KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	16.03.22	MUKA SURAT	:	15
JABATAN	:	JMG			

Kerja pembaikan ambil masa sehingga setahun

Kuala Lumpur: Kerja pembaikan kekal terhadap cerun yang runtuh pada Khamis lalu sehingga mengorbankan empat mangsa di Taman Bukit Permai 2, Ampang Jaya, dijangka mengambil masa antara 10 bulan hingga setahun.

Ketua Pengarah Kerja Raya, Datuk Mohamad Zulkefly Sulaiman, berkata bagaimanapun kerja pengukuhan dan pembaikan sementara yang akan mengambil masa tiga bulan, boleh dilaksanakan supaya penduduk terjejas berkenaan dapat kembali menetap di rumah masing-masing.

Beliau berkata, skop kerja terbabit bergantung pada keputusan penyiasatan tanah yang sedang dan akan dijalankan, selain diuruskan pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk menstabilkan cerun di kawasan berkenaan.

"Dalam konteks kejadian itu, pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) hanya sebagai agensi penasihat teknikal kepada PBT bertanggungjawab, iaitu Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ).

"Tanggungjawab dan bidang kuasa JKR adalah dalam pengurusan cerun di sepanjang jalan raya persekutuan," katanya kepada *BH*.


Bunyi siren kuat elak lebih ramai jadi mangsa

Keratan akhbar BH, 12 Mac lalu.

Mengenai 10 alat pengesan pergerakan tanah dipasang pada cerun bukit itu, Mohamad Zulkefly berkata, alat itu yang membuat pemantauan tanah secara 'real-time' atau masa sebenar, tidak merekodkan sebarang pergerakan baharu.

"Kita juga menjangka alat itu tidak akan jatuh lagi seperti berlaku bersama tanah yang menggelongsor ketika kejadian runtuhan susulan pada Sabtu lalu.

"Satu peralatan yang jatuh itu akan dipasang kembali di lokasi cerun berhampiran rumah teres yang terkesan," katanya.

BH sebelum ini melaporkan 10 alat pengesan dipasang meliputi sembilan di puncak cerun dan satu lagi di dinding belakang rumah teres di Jalan Bukit Permai 1.

Pemasangan itu dibuat selepas berlaku insiden tanah runtuh di Taman Bukit Permai 2 yang meragut empat nyawa dan menyebabkan seorang cedera ringan, selain menyaksikan 15 rumah serta 10 kenderaan terjejas.

> "Skop kerja terbabit bergantung pada keputusan penyiasatan tanah yang sedang dan akan dijalankan"

Mohamad Zulkefly Sulaiman,
Ketua Pengarah Kerja Raya


Pekerja menutup kesan runtuhan dengan kanvas untuk mengurangkan hakisan di Bukit Permai 2, Ampang Jaya, semalam. (Foto Fathil Asri/BH)